

12 Sept 2024

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi KWANTAS
CORPORATION BERHAD**

KWANTAS CORPORATION BERHAD telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan **KWANTAS CORPORATION BERHAD**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 4 rancangan dan sebuah kilang yang diuruskan oleh **KWANTAS CORPORATION BERHAD**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **KWANTAS CORPORATION BERHAD** pada **14-16.10.2024 & 4.12.2024**. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder' and MS 2530-4:2013 'General Principle for Palm Oil Mill'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 & MS 2530-4:2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
MEWAH 1 ESTATE	Mewah 1 Estate, Kwantas Plantation Sdn. Bhd, CL 095318540, 31, 13, 59, 04 & 095318522, Sg. Koyah, Kinabatangan, 91120 Sabah.	1768.70	5° 15' 15.89" N 117° 57' 36.21" E
MEWAH 2 ESTATE	Aman Bersatu Sdn. Bhd. (Mewah 2) CL095327147, Kinabatangan, Sabah	1393.82	5° 14' 18.47" N 117° 53' 18.82" E
SRI BANDARAN SDN BHD ESTATE	CL 095317034, Koyah 9000 Kinabatangan, Sabah	171.90	5° 21' 22.0" N 118° 05' 19.0" E
PINTASAN 1,2,3	CL 095317196 Sg.Lamag, Kinabatangan, Sabah	5259.81	N 5° 14' 42.18", E 117° 48' 12.11"

Kilang	Alamat	Kapasiti Kilang (MT/HR)	Rujukan GPS
MEWAH PALM OIL MILL	Mewah Palm Oil Mill, KM 70 Tabung Tentera Junction Jalan Lahad Datu-Sandakan, Sg. Koyah 91120 Lahad Datu, Sabah	60	5° 15' 15.89" N 117° 57' 36.21" E

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang

pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **KWANTAS CORPORATION BERHAD** terdiri daripada:

- i) En. Azmi bin Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) En. Mohamad Irwan bin Senin sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) En. Mohd Rizal bin Md Kassim sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) En. Johari bin Md Kassim sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 14.10.2024 & 4.12.2024
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Lokasi : Mewah 1 Estate, Kwantas Plantation Sdn. Bhd, CL 095318540, 31, 13, 59, 04 & 095318522, Sg. Koyah, Kinabatangan, 91120 Sabah.
: CL 095317196 Sg.Lamag, Kinabatangan, Sabah

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami.

Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.